



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

(SIRI 03/2021) FATWA MENGENAI SUNTIKAN VAKSIN COVID-19

1. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Bil. 05/2020 pada 28 Rabiul Akhir 1442 bersamaan 13 Disember 2020 bersetuju menerima dan mengguna pakai keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) kali ke-10 bertarikh 3 Disember 2020 yang memutuskan bahawa;
“Hukum Menerima Suntikan Vaksin COVID-19 adalah harus, dan ia wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan pihak berkuasa.”
2. Berikutan situasi pandemik COVID-19 yang semakin hari semakin membimbangkan, Jabatan Mufti Negeri Kedah menyeru dan menyarankan seluruh rakyat khususnya di Negeri Kedah Darul Aman untuk segera mendaftar dan menerima suntikan Vaksin COVID-19 melalui aplikasi MySejahtera atau mana-mana medium lain yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan Malaysia.
3. Berdasarkan prinsip *Maqasid Syariyyah*, mengambil suntikan vaksin adalah suatu usaha dalam memelihara diri dan menjaga nyawa (حفظ النفس) yang merupakan suatu kewajiban selain daripada menjaga agama, keturunan, akal dan harta. Justeru, umat Islam diseru agar tidak merasa ragu-ragu untuk mengambil suntikan Vaksin COVID-19.
4. Tindakan mengambil vaksin adalah bertepatan kewajiban menjaga keselamatan nyawa dan mengelak kemudharatan sebagaimana yang ditegaskan dalam syariat berdasarkan sumber-sumber hukum berikut:
 - i. Firman Allah ﷻ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا خُذُوا حِذْرَكُمْ فَانفِرُوا تُبَاتٍ أَوْ بَارِعُوا جَمِيعًا.¹

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, bersedialah dan berjaga-jagalah (sebelum kamu menghadapi musuh), kemudian (bila dikehendaki) maralah (ke medan perang) sepuak demi sepuak, atau (jika perlu) maralah serentak beramai-ramai.*

Dalam konteks semasa, mengharuskan suntikan Vaksin COVID-19 juga termasuk persiapan yang dibuat oleh pihak kerajaan dalam memerangi musuh negara ketika ini iaitu pandemik COVID-19 yang telah mengancam banyak nyawa manusia.

ii. Firman Allah ﷻ:

وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا²

Maksudnya: *Barangsiapa memelihara kehidupan seseorang manusia maka seakan-akan dia telah memelihara kehidupan semua manusia.*

iii. Sabda Nabi Nabi ﷺ :

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ شَرِيكٍ، قَالَ شَهِدْتُ الْأَعْرَابَ يَسْأَلُونَ النَّبِيَّ ﷺ : أَعَلَيْنَا حَرْجٌ فِي كَذَا أَعَلَيْنَا حَرْجٌ فِي كَذَا فَقَالَ لَهُمْ "عِبَادَ اللَّهِ وَضَعَ اللَّهُ الْحَرْجَ إِلَّا مَنْ اقْتَرَضَ مِنْ عَرَضِ أَخِيهِ شَيْئًا فَذَلِكَ الَّذِي حَرْجٌ." فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ هَلْ عَلَيْنَا جُنَاحٌ أَنْ نَتَدَاوَى قَالَ "تَدَاوُوا عِبَادَ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ مَعَهُ شِفَاءً إِلَّا الْأَهْرَمَ."³

Maksudnya: *Diriwayatkan bahawa Usamah bin Sharik berkata: "Saya melihat orang Badwi bertanya kepada Nabi ﷺ. Apakah ada keburukan dalam hal itu, apakah ada keburukan dalam hal itu?" Dia berkata kepada mereka: "Hai hamba-hamba Allah! Allah hanya membuat kerosakan pada perkara yang melampaui kehormatan saudara. Itulah yang berdosa." Mereka berkata: "Ya Rasulullah! Adakah berdosa jika kami mendapatkan rawatan?"*

Dia berkata: "Carilah rawatan, wahai hamba Allah! Kerana Allah tidak menciptakan penyakit, tetapi Dia juga menciptakan kesembuhan, kecuali usia tua."

iv. Pandangan Fuqaha' dalam kewajiban seseorang menjaga diri daripada terjebak dalam kemudaratan merujuk kaedah fiqh;

¹ النساء : 71.

² المائدة : 32.

³ رواه ابن ماجه.

- (الضرر ي زال) iaitu kemudaratan hendaklah dihapuskan, dan
 - (الضرر يدفع بقدر الامكان) iaitu kemudaratan perlu dibendung semampu yang dapat dilakukan.
5. Selain itu, sebagai rakyat hendaklah patuh dan taat terhadap ketetapan dan tindakan pihak kerajaan (أولى الأمر) dalam melaksanakan Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19 berdasarkan;
- (تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة) iaitu tindakan yang dijalankan oleh pemerintah terhadap rakyat demi kemaslahatan.
- Dalam konteks ini, pihak kerajaan berhak membuat keputusan demi kemaslahatan rakyat berlandaskan syariat Islam. Suntikan Vaksin COVID-19 adalah suatu usaha pihak kerajaan bertujuan untuk menyelamatkan manusia walaupun masih belum dijangkiti wabak ini.
6. Berdasarkan sandaran-sandaran hukum di atas maka Jabatan Mufti Negeri Kedah mengajak masyarakat Islam khususnya di negeri ini bersama-sama membantu mengekang penularan wabak COVID -19 dengan bersedia untuk menerima suntikan vaksin.

Mudah-mudahan Allah ﷻ melindungi kita daripada musibah dan kemudaratan serta mengangkat musibah COVID-19 yang menimpa negeri dan negara kita pada masa kini.

TARIKH KEPUTUSAN : 3 JUN 2021